



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 3 TAHUN 2014

ARAHAN PELAKSANAAN TUGASAN KOMANDER OPERASI

Diedarkan kepada:

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah

Semua Penolong Ketua Pengarah / Pengarah

Semua Pengarah Negeri

Semua Komandan

Semua Pegawai Memerintah

Semua Penguasa Zon

Semua Ketua Balai



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
Fire And Rescue Department of Malaysia
Lebuhraya Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon: 603-88880036

Faks: 603-8888 0840

Portal Rasmi: www.bomba.gov.my

Emel: korporat@bomba.gov.my

Ruj. Kami : JBPM/IP/100-1/9/2 (23)

Tarikh : 1 April 2014

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah

Semua Penolong Ketua Pengarah / Pengarah

Semua Pengarah Negeri

Semua Komandan

Semua Penguasa Zon

Semua Ketua Balai

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 3 TAHUN 2014

ARAHAN PELAKSANAAN TUGASAN KOMANDER OPERASI

1.0 TUJUAN

- 1.1 Perintah Tetap Ketua Pengarah ini bertujuan untuk menjelaskan dan menyelaraskan bidang tugas Komander Operasi di pelbagai peringkat (Level).
- 1.2 Pelaksanaan tugas komander operasi ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan dan melibatkan semua pegawai kanan dalam pengurusan operasi pemadaman dan penyelamatan sekurang-kurangnya 30 jam setahun.

- 1.3 Dengan adanya PTKP ini, penyeragaman sistem penggiliran pegawai kanan bertugas di Jabatan dapat diwujudkan.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 PTKP ini akan mengupas isu pelaksanaan tugas sebagai Komander Operasi yang akan memberi fokus kepada cara untuk menyelesaikan masalah pengurusan operasi. Komander Operasi merupakan seorang pegawai yang mempunyai kapasiti dan kuasa penuh di lokasi kejadian insiden / bencana. Peranan dan tanggungjawab Komander Operasi sangat berat dan latar belakang pengalaman dalam bidang operasi kebombaan, akan menentukan corak pengurusan seorang Komander Operasi.

3.0 ISU DAN MASALAH

- 3.1 Operasi kebombaan dan penyelamatan yang kerap berlaku di negeri-negeri kebiasaannya diketuai oleh pegawai bomba gred KB22 dan kadang-kadang pegawai bomba gred KB17 apabila Ketua Balai tidak berada di dalam kawasan jagaan.
- 3.2 Apabila operasi melibatkan dua (2) atau lebih balai Ketua Zon atau Pegawai Zon tidak hadir untuk mengetuai operasi.
- 3.3 Apabila pegawai kanan lewat atau tidak hadir ke tempat kejadian menyebabkan tindakan operasi tidak dapat dijalankan sebaiknya.
- 3.4 Tiada penyeragaman sistem penggiliran pegawai bertugas.
- 3.5 Bagi memberi peluang kepada pegawai – pegawai kanan yang **BUKAN** bertugas di Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat untuk mendapat pendedahan dan terlibat dalam operasi kebombaan dan penyelamatan.

4.0 TAFSIRAN

- 4.1 **Tugas *On-Call***; ertinya tugas di mana seseorang pegawai bersedia untuk menghadiri apa-apa panggilan kecemasan dalam tempoh bertugas sama ada di rumah, balai atau pejabat. Kehadiran pegawai bertugas On-Call akan ditentukan oleh pegawai yang bertugas di PPO atau PGO.
- 4.2 **Tugas *Standby***; ertinya Seorang pegawai yang telah diarah bertugas pada satu-satu masa akan berada di balai, pejabat atau berada di PPO/PGO serta bersedia untuk menghadiri panggilan kecemasan semasa dia bertugas.
- 4.3 **Pusat Pengurusan Operasi (PPO)** adalah merujuk kepada Pusat Pengurusan Operasi di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya. Ia berperanan sebagai tempat untuk mengurus insiden kecemasan yang berlaku dalam Negara. Semasa bencana ia berperanan sebagai Bilik Gerakan Operasi Negara.
- 4.4 **Pusat Gerakan Operasi (PGO)** adalah merupakan nadi kepada pengurusan operasi harian di balai-balai dan menjadi tempat pengurusan insiden kecemasan di negeri.
- 4.5 **Pegawai Zon**; ertinya Pegawai-pegawai kanan dari gred KB29 hingga KB48 yang bertugas di mana-mana zon.
- 4.6 **Ketua Zon**; ertinya Pegawai kanan yang dilantik bagi mengetuai pengurusan dan pentadbiran balai-balai dalam kawasan zon di negeri-negeri.
- 4.7 **Ketua Balai**; ertinya Pegawai kanan yang dilantik bagi mengetuai pengurusan dan pentadbiran serta pengoperasian sesuatu balai.

- 4.8 **Penolong Pengarah Operasi Negeri (PPON);** ertinya Pegawai kanan yang dilantik bagi mengetuai pengurusan, pentadbiran dan pengoperasian Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat di negeri.
- 4.9 **Pegawai Kanan JBPM Negeri;** ertinya Pegawai-pegawai kanan dari gred KB29 hingga KB54 yang bertugas di Ibu Pejabat JBPM Negeri.
- 4.10 **Pegawai Kanan Ibu Pejabat JBPM;** ertinya Pegawai-pegawai kanan dari gred KB29 hingga KB54 yang bertugas di Ibu Pejabat JBPM.
- 4.11 **Komander Operasi Level I;** ertinya Bagi insiden rutin / kejadian bukan bencana / bencana iaitu kejadian yang berlaku dalam kawasan jagaan balai, Komander Operasi adalah Ketua Balai. Jika insiden / kejadian bukan bencana / bencana berkembang dan di luar kawalan Ketua Balai, tanggungjawab Komander Operasi hendaklah diserahkan kepada Ketua Zon atau mana-mana pegawai lebih kanan daripada Ketua Balai.
- 4.12 **Komander Operasi Level II;** ertinya Bagi insiden rutin / kejadian bukan bencana / bencana iaitu kejadian yang berlaku dalam kawasan jagaan zon, Komander Operasi adalah dari kalangan Ketua Zon. Jika insiden / kejadian bukan bencana / bencana berkembang tanggungjawab Komander Operasi hendaklah diserahkan kepada Penolong Pengarah Operasi Negeri (PPON) atau mana-mana pegawai lebih kanan dari Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Negeri atau mana-mana pegawai kanan yang bertugas sebagai Komander Operasi pada masa kejadian.
- 4.13 **Komander Operasi Level III;** ertinya Bagi kejadian bukan bencana / bencana Komander Operasi adalah Penolong Pengarah Operasi Negeri (PPON) atau mana-mana pegawai

kanan yang bertugas mengikut giliran. Jika kejadian bukan bencana / bencana merebak dan berkembang lebih luas, tanggungjawab Komander Operasi hendaklah diserahkan kepada Timbalan Pengarah Bomba Negeri atau terus kepada Pengarah Bomba Negeri.

- 4.14 **Komander Operasi Level IV;** ertinya Bagi insiden yang berskala besar / bencana iaitu kejadian yang berlaku dalam beberapa daerah atau dalam satu daerah tetapi melibatkan pelbagai agensi luar, Komander Operasi hendaklah diserahkan kepada Penolong Ketua Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat atau Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) atau kepada Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai lebih kanan dari Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat jika PKP Bahagian Operasi, TKPO dan KP tidak berada di pejabat.

5.0 PELAKSANAAN

- 5.1 Setiap pegawai kanan jabatan dari gred KB29 sehingga KB54 akan bertugas secara giliran di dalam operasi kebombaan dan penyelamatan, mengikut giliran bertugas sekurang-kurangnya 30 jam setahun. Giliran bertugas hendaklah dicatatkan dalam buku log peribadi sebagai bukti bertugas.

- 5.2 Pelaksanaan di peringkat Balai.

5.2.1 Ketua Zon perlu menyediakan pegawai yang bersedia 12/24 jam terdiri daripada kalangan Ketua Balai / Pegawai Zon yang akan bertindak sebagai Komander Operasi Level I bagi menggantikan mana-mana Ketua Balai yang tidak berada di kawasan jagaan.

5.2.2 Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai sistem zon, PPON perlu menyediakan pegawai yang bersedia 12/24

jam terdiri daripada kalangan Ketua Balai / Pegawai Kanan Bahagian yang akan bertindak sebagai Komander Operasi Level I bagi menggantikan mana-mana Ketua Balai yang tidak berada di kawasan jagaan.

5.3 Pelaksanaan di peringkat Zon

5.3.1 Ketua Zon dan Pegawai-pegawai kanan Pejabat Zon perlu bertugas (mengikut jadual) secara *on-call* dan bertindak sebagai Komander Operasi Level II atau penasihat atau melaksanakan mana-mana tugas yang memerlukan kepakaran berdasarkan kepada kesesuaian dan skala insiden/bencana.

5.3.2 Sekiranya Ketua Balai berkursus, bercuti atau menjalankan tugas rasmi melebihi tiga (3) hari, Ketua Zon hendaklah mengarahkan pegawai-pegawai kanan di Zon untuk bertugas di balai berkenaan bagi mengetuai pengurusan pentadbiran balai dan operasi sepanjang ketiadaan Ketua Balai.

5.4 Pelaksanaan di Peringkat Ibu Pejabat Negeri

5.4.1 Penolong Pengarah Operasi Negeri (PPON) perlu menyediakan senarai giliran bertugas pegawai-pegawai kanan dari Ibu Pejabat JBPM Negeri secara *standby* dan bertindak sebagai Komander Operasi Level III atau penasihat atau melaksanakan mana-mana tugas yang memerlukan kepakaran berdasarkan kepada kesesuaian dan skala insiden/bencana.

5.4.2 Bagi memudahkan pelaksanaan, dua orang pegawai kanan hendaklah bertugas dalam sesuatu masa.

5.4.3 Pusat Gerakan Operasi Negeri perlu menyediakan bilik standby dan kenderaan bagi pegawai kanan bertugas.

5.5 Pelaksanaan di Peringkat Ibu Pejabat JBPM

5.5.1 PKP Bahagian Operasi/PPO perlu menyediakan senarai giliran bertugas pegawai-pegawai kanan dari Ibu Pejabat JBPM secara *standby* dan bertindak sebagai Komander Operasi Level IV atau penasihat atau melaksanakan mana-mana tugas yang memerlukan kepakaran berdasarkan kepada kesesuaian dan skala insiden/bencana.

5.5.2 Pegawai-pegawai yang bertugas mengikut giliran perlu menghadiri mana-mana insiden yang berlaku di seluruh Negara.

5.5.3 Bagi memudahkan pelaksanaan, sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai kanan hendaklah menghadiri sesuatu insiden.

5.5.4 Pusat Pengurusan Operasi (PPO) perlu menyediakan bilik *standby* dan kenderaan bagi pegawai kanan bertugas.

5.6 Berikut adalah struktur pelaksanaan Komander Operasi:

Level	Komander Operasi
Level I	Ketua Balai
Level II	Ketua Zon dan Pegawai Kanan Pejabat Zon
Level III	PPON dan Pegawai Kanan Ibu Pejabat Negeri
Level IV	Pegawai Kanan Ibu Pejabat JBPM

5.7 Penugasan pegawai-pegawai kanan *On-Call* dan *Standby* :

5.7.1 Negeri-negeri Wilayah Persekutuan dan Perlis

<i>On-Call</i>	<i>Standby</i>	Catatan
Ketua-ketua Bahagian atau pegawai-pegawai kanan bahagian	Ketua-ketua Balai	Sekiranya KB berkursus / bercuti / bertugas rasmi di luar kawasan, PPON hendaklah mengarahkan seorang KB lain untuk mengetuai operasi pada hari-hari di mana KB berkenaan tidak berada dalam kawasan jagaan.

Nota: Rujuk Surat Arahan Ketua Pengarah – Arahan Keluaran Jentera Bertarikh 4 Februari 2011

5.7.2 Negeri dan Zon

<i>Standby</i>	<i>On-call</i>	Catatan
Ketua-ketua Balai, Ketua-ketua Bahagian atau Pegawai-pegawai kanan bahagian	Ketua Zon, pegawai-pegawai kanan zon	Sekiranya KB berkursus / bercuti / bertugas rasmi di luar kawasan, bagi tempoh 3 hari, KZ hendaklah melantik penyelia gred KB22/KB24/KB26 untuk bertindak sebagai ketua operasi. Jika KB berkursus/bercuti/bertugas rasmi di luar kawasan lebih daripada 3 hari KZ hendaklah melantik seorang pegawai kanan di zon untuk mengetuai pengurusan pentadbiran balai dan operasi pada hari-hari di mana KB tidak berada dalam kawasan jagaan

Nota: Rujuk Surat Arahan Ketua Pengarah – Arahan Keluaran Jentera Bertarikh 4 Februari 2011

5.8 Senarai Tugas Komander Operasi

- 5.8.1 Bergerak serta-merta ke tempat kejadian dan membuat penilaian awal mengenai sesuatu kejadian insiden/Bencana.

- 5.8.2 Memastikan keselamatan tempat insiden daripada sebarang ancaman bahaya kepada orang awam, anggota, jentera, peralatan dan alam sekitar.
- 5.8.3 Menubuhkan Pos Kawalan Hadapan (PKH)/Pusat Kawalan Bomba (PKB).
- 5.8.4 Mendapatkan maklumat daripada komander operasi terdahulu dan menilai situasi semasa tempat kejadian.
- 5.8.5 Menetapkan objektif dan strategi yang perlu dilaksanakan.
- 5.8.6 Bertindak mengetuai, menyelia serta menyelaras gerakan operasi.
- 5.8.7 Menubuhkan jawatankuasa *Incident Command System* (ICS) mengikut kesesuaian dan saiz insiden.
- 5.8.8 Mengadakan mesyuarat atau perjumpaan bersama pihak terlibat sekiranya perlu.
- 5.8.9 Merancang dan melaksanakan pelan tindakan operasi (*Incident Action Plan*) yang betul dan tepat berdasarkan prosedur atau peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan.
- 5.8.10 Memaksimumkan penggunaan sumber yang ada dan memohon sebarang bantuan tambahan sekiranya perlu termasuk bantuan khidmat sukarelawan seperti Pasukan Bomba Sukarela, Bomba Komuniti dan lain-lain.
- 5.8.11 Memastikan kesahihan maklumat sebelum disebarikan kepada pihak media.

- 5.8.12 Membuat kenyataan media mengenai perkara-perkara/perkembangan mutakhir operasi sekiranya perlu.
- 5.8.13 Melaporkan perkembangan terkini operasi mencari dan menyelamatkan kepada pegawai bertugas di PGO/PPO.
- 5.8.14 Menyediakan laporan yang berkaitan mengikut keperluan.

6.0 PENTADBIRAN AM

- 6.1 Sekiranya pegawai yang dilantik sebagai Komander Operasi berkursus, bercuti atau bertugas rasmi di luar kawasan, PPO/Bahagian Operasi Ibu Pejabat JBPM hendaklah melantik pegawai pengganti dan memaklumkan kepada pegawai bertugas di PPO/PGO.
- 6.2 PPO dan PGO perlu menyediakan ruang rehat kepada pegawai-pegawai kanan yang bertugas *standby*.
- 6.3 Pegawai bertugas sebagai Komander Operasi adalah tertakluk kepada **ARAHAN KETUA PENGARAH BIL. 1 TAHUN 2007: PERATURAN PEGAWAI KANAN DAN PEGAWAI BOMBA MENINGGALKAN NEGERI/DAERAH/KAWASAN JAGAAN.**
- 6.4 PPO, PGO dan Pejabat Zon perlu menyediakan kenderaan bagi kegunaan Komander Operasi/Pegawai Kanan *standby/on-call* untuk ke lokasi kejadian atau membuat *Test-Call*.
- 6.5 Penggunaan kenderaan Jabatan adalah tertakluk kepada arahan semasa yang telah dikeluarkan terdahulu.

- 6.6 Setiap pegawai yang bertugas hendaklah memakai pakaian seragam seperti arahan tatacara pemakaian pakaian seragam melalui Surat Bil. JBPM/IP/LAT:100-1/9 JLD.2 (58) bertarikh 31 Januari 2013, JBPM/IP/LAT:100-1/9 JLD.2 (59) bertarikh 21 Mac 2013 dan JBPM/IP/LAT:100-1/9 JLD.2 (60) bertarikh 25 Mac 2013.
- 6.7 Pegawai kanan bertugas *standby* hendaklah melapor diri ke PPO/PGO setiap kali bertugas.
- 6.8 Komander Operasi yang bertugas secara *standby* atau menghadiri operasi lebih masa pada hari bekerja biasa, hari cuti am atau hari kelepasan mingguan adalah layak untuk dipertimbangkan pelepasan bertugas selaras dengan Perintah Am 40 Bab 'C' : Cuti Gantian.


7.0 PEMAKAIAN

- 7.1 Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2014 ini hendaklah dipatuhi oleh semua Pegawai Kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

8.0 TARIKH KUATKUASA

- 8.1 Perintah Tetap Ketua Pengarah ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' WAN MOHD. NOR BIN HAJI IBRAHIM)
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

44/2014